

e-BULETIN JSKM

EDISI MAC 2025

LAMBAIAN KASIH
PERSAHABATAN

RAHSIA ALAMI UNTUK
KELEGAAN SAKIT KEPALA

MENYEMAI MINAT,
MENUAI KEJAYAAN
Perjalanan Seorang Pendidik
Ts. Wan Anisha
Wan Mohammad

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

KELUARAN KE-13

ISTIMEWA ANAK
SULUNG





Sidang Redaksi:

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

Pn. Zuraira Libasin

En. Ahmad Rashidi Azudin

Terbitan:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Unit Penerbitan e-Buletin

Jabatan Sains Komputer dan Matematik

UiTM Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh

Pulau Pinang

Kata Pengantar Ketua Editor

01

Kata Pengantar Koordinator

02

Ucapan Khas Salam Aidilfitri

03

Menyemai Minat, Menuai Kejayaan

04

Laporan Aktiviti

05

Perkongsian

16

Puisi

69

Isi

Kandungan e-Buletin



S H A R E

PERKONGSIAN

KETERHUTANGAN

KEWANGAN DI KALANGAN GENERASI MUDA

Dalam era moden ini, fenomena keterhutangan dalam kalangan generasi muda semakin membimbangkan. Ramai individu muda terjerumus dalam perangkap hutang pada usia yang masih awal, yang akhirnya boleh membawa kepada kebangkrutan. Keterhutangan dilihat sebagai keperluan untuk mencapai gaya hidup tertentu, namun boleh menjadi penyakit yang memudaratkan jika tidak diurus dengan bijaksana. Persoalannya, adakah berhutang ini suatu keperluan yang tidak dapat dielakkan, atau ia mencerminkan satu penyakit dalam pengurusan kewangan peribadi seseorang?

PUNCA KETERHUTANGAN DALAM KALANGAN GENERASI MUDA

Adalah sangat **membimbangkan**, di mana generasi muda hari ini terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya, kewangan. Kos sara hidup yang tinggi, tekanan sosial untuk memiliki barangan terkini, dan kurangnya pendidikan kewangan adalah antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan keterhutangan dalam kalangan mereka.

Keterhutangan sering dianggap sebagai jalan pintas untuk mencapai impian, namun tanpa pengurusan yang betul, ianya boleh menjerumuskan seseorang itu kepada masalah kewangan yang serius seperti kebangkrutan atau **muflis**. Antara faktor-faktor utama adalah seperti di bawah:

✓ KURANGNYA PENDIDIKAN KEWANGAN

Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada masalah keterhutangan ialah kurangnya pendidikan kewangan dalam kalangan generasi muda. Tanpa pengetahuan asas mengenai pengurusan kewangan, mereka cenderung membuat keputusan kewangan yang **kurang bijak**, seperti berbelanja melebihi kemampuan dan tidak mempunyai simpanan kecemasan serta jangka masa panjang.

✓ PENGARUH RAKAN SEBAYA

Generasi muda juga sering dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam membuat keputusan kewangan. Jika rakan sebaya berbelanja mewah, mereka juga akan **terdorong** untuk berbuat demikian, walaupun tiada kemampuan.

✓ GAYA HIDUP KONSUMERISME ATAU TEKANAN SOSIAL

Media sosial memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi generasi muda tentang gaya hidup ideal. Mereka terdorong untuk memiliki barangan mewah, melancong, dan menikmati pengalaman yang memerlukan perbelanjaan besar. Ini mendorong mereka untuk **berhutang** bagi memenuhi kehendak sosial. Budaya konsumerisme yang semakin menular mendorong generasi muda untuk memenuhi kehendak segera tanpa memikirkan akibat jangka panjang. Pengaruh media sosial yang memaparkan gaya hidup mewah turut menyumbang kepada tekanan untuk mengikuti trend semasa, walaupun melebihi kemampuan kewangan mereka. Budaya 'biar bergaya asal papa' ini semestinya dipadam-hapus dalam mentaliti kita terutama generasi muda yang masih tidak mempunyai punca pendapatan dan simpanan yang stabil.

**“BERHUTANG
ITU
KEPERLUAN
ATAU
PENYAKIT
DALAM
PENGURUSAN
KEWANGAN?”**

✓ KEMUDAHAN MENDAPATKAN KREDIT

Institusi kewangan menawarkan pelbagai produk kredit seperti kad kredit dan pinjaman peribadi dengan mudah. Ini memudahkan generasi muda untuk **berbelanja** melebihi kemampuan mereka.

✓ TEKanan EKONOMI

Kenaikan kos sara hidup, termasuk kos pendidikan dan perumahan, menyebabkan ramai generasi muda terpaksa mengambil **pinjaman** untuk menampung perbelanjaan mereka. Sebagai contoh, kos pendidikan yang tinggi memaksa mereka mengambil pinjaman pelajaran yang besar, yang boleh mengambil masa yang lama untuk dilunaskan. Namun sedemikian, ianya tidak menjanjikan sebuah pekerjaan yang lumayan.

IMPAK KETERHUTANGAN

Keterhutangan yang tidak terkawal boleh membawa kepada pelbagai kesan negatif, antaranya adalah seperti berikut:

✗ KEBANKRAPAN

Statistik menunjukkan bahawa hampir **60%** individu mufils di Malaysia berumur bawah 35 tahun, mencerminkan kelemahan dalam pengurusan kewangan dalam kalangan belia. Malahan kadar ini semakin meningkat saban tahun.

✗ TEKanan MENTAL DAN EMOSI

Beban hutang yang tinggi boleh menyebabkan **tekanan** kepada mental dan emosi, yang seterusnya menjejaskan kualiti kesejahteraan hidup. Ini juga akan bertambah parah sekiranya terpaksa pula membiayai kos perubatan yang tinggi, tanpa perlindungan dari insuran.

✗ KEHILANGAN ASET

Kegagalan membayar hutang samada melibatkan pinjaman peribadi, mahupun pinjaman aset seperti kediaman atau kenderaan boleh mengakibatkan **kehilangan** aset penting terlibat.

✗ MASALAH PERHUBUNGAN

Masalah kewangan akibat hutang boleh menjejaskan hubungan dengan keluarga dan rakan-rakan. Pasangan yang berhutang sering **bergaduh** tentang wang, yang boleh membawa kepada perceraian.



STRATEGI MENGATASI MASALAH KETERHUTANGAN

Generasi muda perlu meningkatkan literasi kewangan adalah langkah penting untuk membantu generasi muda mengurus kewangan mereka dengan lebih bijak. Inisiatif seperti memasukkan modul pengurusan kewangan dalam kurikulum sekolah dan universiti boleh membantu mereka **memahami** konsep seperti bajet, menabung, simpanan, dan pelaburan. Selain dari itu, mereka juga perlu memantapkan diri dari pelbagai segi, contohnya:

① KAWALAN DIRI DAN PENGURUSAN BAJET

Menggalakkan amalan penyediaan bajet bulanan dapat membantu individu memantau perbelanjaan dan memastikan mereka tidak berbelanja melebihi pendapatan. Ini termasuk membezakan antara keperluan dan kehendak, serta mengutamakan perbelanjaan yang penting. Generasi muda perlu belajar mengawal diri dan berdisiplin dalam berbelanja. Mereka perlu membezakan antara keperluan dan kehendak, serta mengelakkan pembelian impulsif. Membuat perancangan kewangan yang teliti adalah penting. Generasi muda perlu menetapkan matlamat kewangan jangka pendek dan jangka panjang, serta merancang bagaimana untuk mencapainya.

② SIMPANAN DAN PELABURAN

Mendidik generasi muda tentang kepentingan **menyimpan** dan **melabur** untuk masa depan adalah penting. Dengan memulakan simpanan dan pelaburan pada usia muda, mereka dapat membina kekayaan dan menyediakan diri untuk keperluan kewangan di masa hadapan.

③ PENGGUNAAN KAD KREDIT SECARA BIJAK

Memberi **kesedaran** tentang risiko penggunaan kad kredit yang tidak terkawal dan menggalakkan penggunaan yang bijak dapat mengurangkan beban hutang. Ini termasuk membayar baki penuh setiap bulan.

④ SOKONGAN DAN KAUNSELING KEWANGAN

Menyediakan akses kepada perkhidmatan kaunseling kewangan dapat membantu individu yang menghadapi masalah hutang untuk mencari penyelesaian dan **merancang** strategi pembayaran yang efektif.

⑤ MENGURUS HUTANG DENGAN BIJAK

Jika sudah terjerumus dalam hutang, generasi muda perlu mengurusnya dengan bijak. Mereka perlu membuat senarai semua hutang, mengutamakan hutang dengan kadar faedah tertinggi, dan mencari cara untuk **membayar** hutang dengan lebih cepat.

⑥ BANTUAN PROFESIONAL

Jika masalah hutang terlalu berat, generasi muda boleh mendapatkan **bantuan** daripada kaunselor kewangan atau agensi yang menawarkan perkhidmatan pengurusan hutang.

KESIMPULAN

Keterhutangan dalam kalangan generasi muda adalah isu yang **serius** dan memerlukan perhatian segera. Walaupun ada situasi di mana berhutang menjadi keperluan, seperti untuk pendidikan atau pembelian rumah, pengurusan hutang yang tidak bijak boleh menjadi penyakit yang menjejaskan kesejahteraan individu dan ekonomi negara. Oleh itu, **pendidikan** kewangan, pengurusan bajet yang berhemah, dan sokongan kaunseling kewangan adalah langkah-langkah penting untuk mengatasi masalah ini dan memastikan generasi muda Malaysia mempunyai masa depan kewangan yang stabil dan sejahtera.

RUJUKAN

- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2014). The Economic Importance of Financial Literacy: Theory and Evidence. *Journal of Economic Literature*, 52(1), 5-44.
- Xiao, J. J., & Porto, N. (2017). Financial Literacy and Financial Behavior: A Systematic Review of the Literature. *Electronic Journal of Business Ethics and Organization Studies*, 22(1).
- Gathergood, J. (2012). Debt and Depression: Causal Links and Social Norms. *Economic Journal*, 122(565), 109-134.
- Berita RTM. (2024). Belia harus bijak urus kewangan. Retrieved from <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/belia-harus-bijak-urus-kewangan>
- MyKepochi. (2024). Krisis kewangan dalam kalangan generasi muda: Punca dan penyelesaian. Retrieved from <https://mykepochi.com/krisis-kewangan-dalam-kalangan-generasi-muda-punca-dan-penyelesaian>
- MyREF. (2024). Kenaikan kos sara hidup: Strategi realistik untuk anak muda. Retrieved from <https://myref.org.my/kenaikan-kos-sara-hidup-strategi-realistik-untuk-anak-muda>
- Sinar Bestari. (2024). Kesedaran kewangan: Mengapa pendidikan kewangan penting untuk generasi muda? Retrieved from <https://sinarbestari.sinarharian.com.my/my-ipt/karya-kampus/kesedaran-kewangan-mengapa-pendidikan-kewangan-penting-untuk-generasi-muda>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2024). Strategi literasi kewangan kebangsaan 2019-2023. Retrieved from [https://www.sc.com.my/bm/sumber/penerbitan-dan-penyelidikan/strategi-literasi-kewangan-kebangsaan-2023](https://www.sc.com.my/bm/sumber/penerbitan-dan-penyelidikan/strategi-literasi-kewangan-kebangsaan-2019-2023)





اَوَّلُ سَيِّئَةٍ تَكُونُ لَوْ كُنِيَ مُبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang